



16 JAN, 2026

TNB jadi perantara tenaga dijana dari Lao PDR ke Singapura

Harian Metro, Malaysia



EWA FASA 2

TNB jadi perantara tenaga dijana dari Lao PDR ke Singapura

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Bhd (TNB) telah menandatangani Perjanjian Penghantaran Tenaga tiga pihak fasa dua (EWA fasa 2) di bawah Projek Integrasi Kuasa Lao PDR-Thailand-Malaysia-Singapura Fasa Dua (LTMS-PIP 2.0), yang membolehkan penghantaran elektrik dari Lao PDR ke Singapura.

Perjanjian tiga pihak itu dimeterai semalam antara TNB, Electricité du Laos dan Pihak Berkuasa Penajaan Elektrik Thailand.

TNB dalam kenyataan berkata, EWA fasa 2 membolehkan penjualan, penghantaran dan pembelian tenaga elektrik pada sekurang-kurangnya 30 megawatt dari Lao PDR ke Singapura melalui Thailand dan Malaysia, dengan menggunakan kemudahan sambungan sedia ada negara peserta.

Perjanjian itu akan berkuat kuasa untuk tempoh dua tahun bermula dari tarikh menandatangani iaitu 14 Januari 2026.

“Peranan TNB di bawah EWA fasa 2 adalah bagi menggerakkan atau menghantar tenaga yang dijana dari Lao PDR ke Singapura, dengan Electricité du Laos membayar caj penghantaran kepada TNB untuk perkhidmatan penghantaran.

“Peraturan ini melengkapkan pelaksanaan penuh LTMS 2.0, bersama-sama dengan Perjanjian Bekalan Tenaga yang dimeterai sebelumnya antara TNB dan Keppel Electric Pte Ltd pada 20 September 2024, yang mana, Malaysia turut membekalkan elektrik ke Singapura di bawah rangka kerja LTMS 2.0 yang sama,” katanya.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB Datuk Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, EWA fasa 2 menandakan satu lagi pencapaian penting dalam memajukan agenda Grid Kuasa ASEAN (APG), menggariskan tadbir urus pelbagai hala dalam kalangan negara anggota ASEAN.